



Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia  
马来西亚房地产发展商会  
Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia  
"Towards Sustainable Development"  
Responsive | Respected | Responsible | Relevant

## MEMBERS' CIRCULAR 11/2020

To : All REHDA Members

From : Ir Tiah Oon Ling  
Secretary General

Cc : REHDA Branch Chairmen  
REHDA Branch Secretariats

Date : 3 July 2020

**RE : Enforcement of Act 446 - Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities (Amendment) Act 2019**

---

Dear Fellow Members,

Kindly be informed that the Ministry of Human Resource has recently announced that the Act 446 - Workers' Minimum Standard of Housing and Amenities (Amendment) Act 2019 will be enforced on 1 June 2020. However, to enable employers make the necessary preparations and arrangements, the enforcement will only fully take place effective 1 September 2020 and will be applicable throughout Peninsular Malaysia and Federal Territory of Labuan.

Enclosed herewith is the copy of media statement from Ministry of Human Resources for your kind reference and attention.

Thank you.

Yours sincerely

**REAL ESTATE AND HOUSING DEVELOPERS' ASSOCIATION MALAYSIA**

**IR TIAH OON LING**  
**SECRETARY GENERAL**



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### YB MENTERI SUMBER MANUSIA

#### **AKTA 446 (PINDAAN) 2019 AKAN DIKUATKUASAKAN PADA 1 JUN 2020**

---

**Putrajaya, 27 Mei 2020** – Kementerian Sumber Manusia hari ini mengumumkan Pindaan kepada Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Pindaan 2019 akan mula **dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020**. **Akta ini akan terpakai di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memberi penangguhan selama tiga (3) bulan sehingga 31 Ogos 2020 bagi memberikan ruang kepada majikan untuk membuat persediaan sewajarnya. Penguatkuasaan terhadap Akta 446 (Pindaan) 2019 akan dilaksanakan sepenuhnya mulai 1 September 2020.**

Pindaan kepada Akta 446 **telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2019 serta diwartakan pada 18 September 2019.** Menerusi pindaan ini, bidang kuasa Akta 446 yang sebelum ini **hanya mencakupi aspek perumahan dan penginapan para pekerja di sektor perladangan yang melebihi 20 ekar dan perlombongan sahaja** kini **telah diperluaskan kepada semua sektor pekerjaan yang menyediakan kemudahan perumahan dan penginapan bagi para pekerja.**

Akta 446 (Pindaan) 2019 juga **bertujuan untuk menambahbaik Garis Panduan Penginapan Pekerja Asing 2018** yang telah disediakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) **yang meliputi standard ruang minimum**

**kediaman, kemudahan asas bagi rumah dan pekerja serta elemen keselamatan dan kebersihan yang perlu dititikberatkan oleh majikan.**

**Pekerja asing merupakan golongan yang berisiko untuk dijangkiti COVID-19. Ini kerana mereka menginap secara beramai-ramai atau bersesak-sesak dalam satu unit kediaman selain tahap kebersihan premis yang amat kotor. KSM turut bersetuju dengan pandangan daripada pihak Persatuan Perubatan Malaysia (PPM) bersabit keperluan bagi penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memudahkan pelaksanaan standard-standard minimum perumahan dan kemudahan para pekerja di semua sektor di negara ini.**

**Adalah diharapkan bahawa penguatkuasaan Akta 446 (Pindaan) 2019 termasuk Peraturan-Peraturan baharu bagi mengawal standard perumahan dan kemudahan pekerja akan dapat mencegah penularan pandemik COVID-19 selaras dengan saranan *Recommendation 115 (Workers Housing Recommendation, 1961)*, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).**

**DATUK SERI M. SARAVANAN**

**Menteri Sumber Manusia**

**27 MEI 2020**